

Rujukan Kami: UMP.03.01/10.12/3(28)
Tarikh: 6 April 2020

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,
YH Dato'/Profesor/Tuan/Puan,

**PENGURUSAN PEMBAYARAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN(PKP) BAGI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Merujuk kepada penguatkuasaan PKP yang telah dilanjutkan sehingga 14 April 2020, Fakulti dan Jabatan dibenarkan untuk mengemukakan tuntutan bayaran sehingga tempoh PKP tamat. Dokumen tuntutan seperti inbois dan dokumen sokongan perlu disahkan melalui email antara Pemohon dan Pegawai/Ketua Teknikal serta hendaklah diluluskan oleh Dekan/Ketua Jabatan sebelum diemailkan kepada askpayment@ump.edu.my. Pegawai aset juga boleh mendaftarkan nombor rekod aset secara dalam talian melalui sistem IMS Kewangan.


3. Semua dokumen asal hendaklah diserahkan ke Bahagian Pembayaran Kampus Gambang atau Kampus Pekan dengan kadar segera selepas tempoh PKP berakhir. Pemohon diminta berkomunikasi secara aktif dengan Pegawai Pembayar bagi memastikan urusan kelulusan bayaran dapat dilaksanakan dengan teratur.

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Pegawai Jabatan Bendahari seperti lampiran.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINUDIN BIN OTHMAN)
Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (UMP)
Universiti Malaysia Pahang

s.k Naib Canselor